


104 Murid SK Membedai Menghadiri Kem Bestari Solat Secara Dalam Talian



Labuan, 5 Julai – Sekolah Kebangsaan Membedai telah mengadakan Program Kem Bestari Solat (KBS) secara dalam talian, kelmarin yang telah dirasmikan oleh Encik Yusup bin Haji Mohamad Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri W.P Labuan.

Objektif program ini dilaksanakan ialah untuk membimbing murid untuk melaksanakan solat dengan sempurna dan baik, membantu murid memperbetulkan kesalahan biasa di dalam solat serta mendidik murid tentang kepentingan kesempurnaan solat.

Dalam ucapan perasmian tersebut, Encik Yusup mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga Sekolah Kebangsaan Membedai, khususnya Panitia Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kerana berjaya menjalankan Kem Bestari Solat secara dalam talian walaupun berdepan cabaran pandemik Covid-19.

Beliau menzahirkan kegembiraan ke atas penyertaan murid yang ramai dalam program ini. Encik Yusup memperingatkan kepada yang hadir dan murid-murid SK Membedai tentang kepentingan dan kewajipan menunaikan solat kerana ia merupakan rukun islam yang kedua. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa dan murid-murid yang hadir untuk memberi sokongan dengan menyertai kem secara dalam talian.



Ucapan aluan oleh Encik Yusup Haji Mohamad
Encik Yusup turut bersama menyaksikan pelaksanaan amali solat murid-murid dan beliau gembira kerana mereka dapat melakukan solat dengan baik.


Ucapan tahniah kepada panita Pendidikan Islam dan Bahasa Arab ke atas kejayaan mendapat pingat emas dan “ Judge’s Choice ” didalam pertandingan inovasi LaRIS Creativity and Innovation Showcase 2021 peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Program telah dihadiri oleh Guru Besar Sk Membedai, Encik Mohamed Al Ghaffar bin Haji Mohamed Maidin, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Ustazah Kamriah binti Salim, Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Ustazah Rahimah barisan Pentadbir Sk Membedai, Guru-guru


SK Membedai dan ibubapa.

Program ini dibimbing oleh Ustaz Nawawi bin Ejal selaku ketua Panitia Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Ustaz Mohammad Akmal Danial Bin Hazani, Ustazah Nasibah Binti Abdullah Dan Ustazah Anfal Binti Amir.

Berita Oleh : SK Membedai



Sambutan yang menggalakkan daripada murid dan ibu bapa



Encik Mohamed Al Ghaffar Guru Besar SK Membedai